



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986
DR.2/1986

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972.

[

]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986.

Tajuk
ringkas.

2. Subseksyen (1) seksyen 2 Akta Rahsia Rasmi 1972, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 2.
Akta 88.

(a) dengan memasukkan selepas takrif “angkatan tentera” takrif yang berikut:

“‘bahan’ termasuklah apa-apa kelengkapan, alat atau objek;” dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “perkhidmatan awam” takrif yang berikut:

“‘rahsia rasmi’ ertinya apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa suratan rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan oleh mana-mana Anggota pentadbiran atau seorang pegawai awam sebagai ‘Rahsia Besar’, ‘Rahsia’, ‘Sulit’ atau ‘Terhad’, mengikut mana yang berkenaan;”

Seksyen
baru 2A
dan 2B.

3. Akta ini adalah dipinda dengan memasukkan seksyen baru 2A dan 2B seperti berikut :

“Menam-
bah, me-
motong
atau
meminda
Jadual.

2A. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menambah, memotong atau meminda mana-mana peruntukan Jadual kepada Akta ini.

Pengelasan
semula
rahsia
rasmi
oleh
Menteri
atau
pegawai
awam.

2B. Seseorang Menteri atau pegawai awam yang bertanggungjawab terhadap mana-mana Kementerian, jabatan atau mana-mana perkhidmatan awam atau ketua pegawai yang menjaga hal-ehwal pentadbiran sesuatu Negeri boleh, pada bila-bila masa, mengelaskan semula apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual atau apa-apa suratan rasmi, maklumat atau bahan sebagaimana yang telah dikelaskan dan selepas pengelasan semula itu, suratan, maklumat atau bahan tersebut hendaklah terhenti menjadi rahsia rasmi.”.

Pindaan
seksyen 7A.

4. Subseksyen (1) seksyen 7A Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan perkataan-perkataan “rahsia rasmi atau sesuatu” sebelum perkataan “perkataan”; dan

(b) dengan memotong perkataan-perkataan “atau sesuatu benda, suratan atau maklumat”.

Pindaan
seksyen 8.

5. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan perkataan-perkataan “rahsia rasmi atau sesuatu” sebelum perkataan “perkataan” dalam subseksyen (1);

(b) dengan memotong perkataan-perkataan “atau sesuatu benda, suratan atau maklumat” dalam subseksyen (1);

(c) dengan menggantikan perkataan “maklumat” dalam subperenggan (ii) subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “rahsia rasmi”; dan

(d) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang berikut :

“(2) Jika seseorang menerima sesuatu rahsia rasmi atau sesuatu perkataan kod, isyarat timbal, atau kata jodoh rasmi yang

rahsia, dengan mengetahui atau ada alasan yang munasabah bagi mempercayai, pada waktu ia menerimanya itu, bahawa rahsia rasmi, perkataan kod, isyarat timbal, atau kata jodoh itu adalah disampaikan kepadanya bersalahan dengan Akta ini, maka ia adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi tujuh tahun, melainkan jika ia membuktikan bahawa rahsia rasmi, perkataan kod, isyarat timbal atau kata jodoh itu telah disampaikan kepadanya dengan tidak dikehendaki olehnya.”.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan seksyen baru 16A seperti berikut:

Seksyen baru 16A.

“Perakuan oleh pegawai awam menjadi keterangan yang konklusif.

16A. Suatu perakuan oleh seorang Menteri atau seorang pegawai awam yang bertanggungjawab terhadap mana-mana Kementerian, jabatan atau mana-mana perkhidmatan awam atau oleh ketua pegawai yang menjaga hal-ehwal pentadbiran sesuatu Negeri yang memperakukan sesuatu suratan rasmi, maklumat atau bahan dengan menyatakan yang ianya suatu rahsia rasmi hendaklah menjadi keterangan yang konklusif bahawa suratan, maklumat atau bahan itu adalah suatu rahsia rasmi dan tidaklah boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa jua alasan.”.

7. Peruntukan-peruntukan penalti dalam Akta ibu adalah dipinda seperti berikut:

Pindaan peruntukan-peruntukan penalti.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “tidak lebih daripada empat belas tahun atau denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya” dalam subseksyen (1) seksyen 4 dengan perkataan-perkataan “tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada empat belas tahun”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya” di mana jua terdapat dalam seksyen 7A dan 7B dengan perkataan-perkataan “tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada lima tahun”;

(c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “tidak lebih daripada tujuh tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya” di mana jua terdapat dalam subseksyen (1) seksyen 8, subseksyen (2) seksyen 9 dan subseksyen (1) seksyen 13 dengan perkataan-perkataan “selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun”; dan

(d) dengan menggantikan perkataan-perkataan “tidak lebih daripada tiga tahun atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya” di mana jua terdapat dalam seksyen 11 dan 12 dengan perkataan-perkataan “selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun”;

Jadual.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan menambah satu Jadual seperti berikut:

JADUAL

Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan Jemaah Menteri termasuklah juga suratan, rekod keputusan dan pertimbangan jawatankuasa-jawatankuasa Jemaah Menteri;

Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuklah juga suratan, rekod keputusan dan pertimbangan jawatankuasa-jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;

Suratan berkenaan dengan perhubungan di antara Persekutuan dengan Negeri-Negeri;

Suratan berkenaan dengan keselamatan negara, pertahanan negara dan perhubungan antarabangsa;

Suratan dalam bentuk atau berhubungan dengan pendapat, nasihat atau syor mengenai kuatkuasa dan fungsi Kerajaan dan perkhidmatan awam;

Suratan berkenaan dengan ekonomi negara yang ada hubungan dengan matawang, cadangan-cadangan belanjawan dan pelaburan asing;

Suratan berkenaan dengan tender mengenai apa-apa pembelian rasmi, permintaan untuk kerja, bekalan, perkhidmatan dan projek.”

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 dan membuat peruntukan-peruntukan tertentu berhubung dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan pindaan-pindaan itu.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 untuk memasukkan takrif-takrif “bahan” dan “rahsia rasmi”.

3. *Fasal 3* bertujuan memasukkan seksyen baru 2A dan 2B. Seksyen 2A memberi kuasa kepada Menteri untuk menambah, memotong atau meminda peruntukan-peruntukan dalam Jadual yang menyebutkan jenis-jenis suratan yang termasuk dalam pengertian “rahsia rasmi”. Seksyen 2B memberi kepada Menteri atau pegawai awam yang berkenaan kuasa pada bila-bila masa untuk mengelaskan semula apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual termasuk apa-apa suratan rasmi, maklumat atau bahan yang telah dikelaskan sebagai “Rahsia Besar”, “Rahsia” “Sulit” atau “Terhad”.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 7A. Dengan dikemukakan takrif “rahsia rasmi”, subseksyen (1) kini adalah berkaitan dengan tugas membuat laporan kepada polis hanyalah mengenai rahsia rasmi dan perkataan kod rasmi yang rahsia, dsb. apabila didekati supaya diberikan kepada orang-orang itu mengikut hal-hal keadaan yang dinyatakan dalam subseksyen tersebut.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 8. Dengan dikemukakan takrif “rahsia rasmi”, subseksyen (1) kini membuat peruntukan mengenai kesalahan perhubungan yang salah, dsb. itu hanyalah mengenai rahsia rasmi dan perkataan kod rasmi yang rahsia, dsb. sahaja. Subseksyen (2) menghapuskan penalti denda dan kini membuat peruntukan mengenai tempoh penjara yang minimum iaitu untuk tempoh selama tidak kurang daripada satu tahun. Tempoh penjara maksimum selama tujuh tahun itu akan dikekalkan.

6. *Fasal 6* bertujuan mengemukakan satu seksyen baru 16A yang memberi kuasa kepada Menteri atau ketua sesuatu establismen dalam perkhidmatan awam untuk memperakukan sesuatu suratan, dsb. sebagai rahsia rasmi dan perakuan itu hendaklah menjadi bukti yang konklusif tentang apa yang diperakukan itu.

7. *Fasal 7* bertujuan meminda beberapa peruntukan penalti yang terkandung dalam seksyen 4, 7A, 7B, 8 (1), 9 (2), 11, 12 dan 13 (1) dalam mana semua penalti denda telah dihapuskan. Sebagai ganti, kini diperuntukkan tempoh penjara selama tidak kurang daripada satu tahun. Tempoh penjara yang maksimum adalah sama sahaja dengan tempoh maksimum yang diperuntukkan dalam seksyen-seksyen itu masing-masing kecuali bagi seksyen 11 dan 12 di mana tempoh penjara yang maksimum kini telah dinaikkan dari tiga tahun kepada tujuh tahun.

8. *Fasal 8* bertujuan memasukkan Jadual dan ia menyatakan jenis-jenis surat yang dikira rahsia rasmi.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1369.]